

Pelbagai pilihan produk pelaburan pendidikan

skop

KESUKARAN mendapatkan pembiayaan dan persaingan hebat di kalangan pelajar yang berjaya memperoleh keputusan akademik cemerlang adalah antara faktor meningkatkannya kesedaran untuk menabung bagi tujuan pendidikan anak.

Ketua Eksekutif Takaful Malaysia, Datuk Mohd Fadzli Yusuf, berkata ketika ini semakin ramai pelajar layak memohon pembiayaan pelajaran untuk ke IPT daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan ia menggalakkan ibu bapa mencari alternatif lain atau melalui tabungan sendiri, demi keperluan masa depan pendidikan anak-anak.

Katanya, ada ibu bapa yang sanggup bergadai mengeluarkan belanja yang banyak untuk memastikan anak mereka berpeluang mendapat pendidikan atau melanjutkan pelajaran di IPT.

Beliau berkata, daripada pelbagai produk takaful yang disediakan, produk yang berkaitan pendidikan mendapat sambutan menggalakkan dan ia menyumbang 44.4 peratus atau 105,000 penyertaan daripada keseluruhan penyertaan baru pada 2000. "Sejak dulu lagi, kebanyakan ibu bapa sedia berkorban untuk anak mereka, tidak kira wang ringgit atau apa saja. Tahap kesedaran itu dilihat semakin meningkat selaras perkembangan semasa.

"Tambahan pula sekarang, persaingan di kalangan pelajar di IPT sendiri termasuk Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam mendapatkan pembiayaan daripada PTPTN

PERSAINGAN adalah faktor utama yang mendorong ibu bapa di negara ini untuk berkorban dari segi wang demi masa depan dan kepentingan pendidikan anak mereka. Ini dilihat dari segi peluang yang tinggi untuk berjaya dalam bidang pendidikan tetapi kurang pula peluang dari segi pembiayaan bagi melanjutkan pelajaran.

Bermakna, semakin ramai orang lulus dan berpeluang untuk masuk ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT), semakin sedikit pula badan atau institusi yang sanggup menawarkan pembiayaan atau pinjaman melanjutkan pelajaran, ditambah pula dengan kos pendidikan yang terus bertambah setiap tahun. Ikuti bahagian akhir laporan wartawan *Berita Harian*, **HATIPAH AHMAD** mengenai soal ini.

menyebabkan ibu bapa tergerak untuk mencari sumber tabungan sendiri," katanya.

Fadzli berkata, perkembangan itu adalah baik sekali bukan saja membantu menggerakkan ekonomi malah, menyediakan sumber pembiayaan yang terjamin untuk anak mereka bagi jangka panjang.

Kos pendidikan yang tinggi perlu ditanggung ibu bapa untuk membolehkan anak mereka mendapat pendidikan sewajarnya dan ia bergantung kepada kursus diambil.

"Setelah membuat perkiraan, katakana seseorang itu memerlukan RM50,000 bagi membiayai kos pendidikan anak tunggalnya ke universiti. Oleh kerana anaknya kini berumur setahun, beliau mempunyai masa kira-kira 17 tahun untuk mengumpul wang sebanyak itu.

"Setelah mengetahui matlamat dan tempoh masa diperlukan, langkah selanjutnya ialah menetapkan strategi pelaburan bagi mencapainya, iaitu mencari cara bagaimana wang sebanyak itu mahu dikumpulkan dalam tempoh masa berkenaan," katanya.

Katakan seseorang itu memilih cara tabungan tradisional iaitu menabung di rumah, beliau perlu menyimpan kira-kira RM245 setiap bulan dalam tempoh 17 tahun.

"Tetapi perlu diingat, selain wang bagi pendidikan anak, mereka juga memerlukan tabungan lain dan jika wang itu dilaburkan dalam pelbagai jenis bentuk pelaburan yang ditawarkan di pasaran, mereka tidak perlu membuat simpanan bulanan," katanya.

Menurutnya, apa yang perlu dilakukannya hanya memilih produk pelaburan yang bersesuaian.

Selain produk Takaful, banyak lagi produk lain yang bersesuaian seperti Amanah Saham Malaysia (ASM) yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Bhd (PNB).

Berdasarkan kajian yang pernah dilakukan Takaful mendapati tahap kesedaran ibu bapa di Malaysia terhadap kepentingan menabung bagi pendidikan anak mereka menggalakkan walaupun tidak tinggi jika dibandingkan dengan negara lain.

Menurutnya, tahap kesedaran ibu bapa di Malaysia ialah pada kadar 35 peratus iaitu 15 peratus saja daripadanya ibu bapa Melayu. Selebihnya bangsa lain.

"Walaupun peratusannya masih kecil tetapi ia satu petanda baik kerana kami menjangkakan jumlah mereka yang akan menabung dan mencari sumber tabungan baru meningkat lagi," katanya.

Fadzli berkata, jika dibandingkan tahap kesedaran ibu bapa dalam menabung demi pendidikan anak dengan negara lain terutama di Asia, menunjukkan tahap kesedaran kita masih kurang.

Tahap kesedaran ibu bapa di Jepun lebih 200 peratus, bermakna setiap mereka mempunyai lebih daripada satu atau dua skim tabungan pendidikan anak. Manakala di Singapura dan Taiwan, masing-masing 80 peratus, dan Hong Kong juga mencatatkan tahap kesedaran yang tinggi iaitu 60 peratus.

Ditanya kebaikan ibu bapa menabung untuk pendidikan anak mereka, Fadzli berkata, dengan kos pendidikan yang terus

meningkat setiap tahun, ibu bapa wajar mencari ikhtiar dan merancang lebih awal bagaimana untuk mengumpul wang bagi pendidikan anak.

Katanya, setiap ibu bapa mahukan anak-anak menerima pendidikan yang terbaik, peringkat persekolahan mahupun IPT. Kalau boleh semua anak mereka hendak dimasukkan ke sekolah pilihan saja.

Ketika ini, banyak produk berkaitan skim pendidikan yang boleh memberi pulangan dan berupaya membiayai keperluan pendidikan anak mereka apabila dewasa kelak.

Bagi Takaful Malaysia sendiri, katanya, pihaknya menyediakan satu skim tabungan yang dipanggil Pelan Takaful Siswa yang membolehkan anak mendapat pembiayaan pendidikan pada masa depan.

Dengan menyertainya, ibu bapa menjadi pemegang amanah dan membayar ansuran caruman takaful sepanjang tempoh penyertaan. Caruman dan keuntungan pelaburan akan terkumpul beransur-ansur sehingga menjadi dana biasiswa atau belanja pendidikan tinggi anak mereka.

Katanya, Pelan Takaful Siswa akan matang apabila anak itu mencapai usia 22

tahun tetapi bayaran ansuran caruman takaful tamat selepas anak berusia 18 tahun.

"Jika anak kita berjaya ke IPT, setiap tahun 20 peratus daripada jumlah perolehan manfaat akan dikeluarkan bagi membiayai kos pendidikannya sehingga mencapai usia 22 tahun dan tamat pengajian," katanya.

Fadzli berkata, produk Takaful Keluarga untuk Pelajaran mendapat sambutan menggalakkan dan kira-kira 15 peratus pelangan Takaful Keluarga adalah bukan Bumiputera.

Manakala, purata usia kebanyakan ibu bapa yang menyertai pelan Takaful Siswa dan Takaful Keluarga Untuk Pelajaran ialah antara 30 dan 40 tahun, bermakna mereka pada usia matang dan kebanyakannya menyertainya ketika anak baru lahir atau berumur setahun ke atas.

Menurutnya, bagi tuntutan Takaful Pendidikan, seramai 174 peserta membuat tuntutan atas faktor ibu bapa meninggal dunia dengan manfaat bernilai RM914,759 sejak 1987.

Manakala tuntutan Takaful Siswa pula, seramai 579 peserta membuat tuntutan atas faktor sama dengan manfaat yang dibayar bernilai RM277,664 sejak 1997.